

20/09/2001

Pelan fizikal pastikan perancangan capai matlamat wawasan

Hasliza Hassan

SEJAK dimulakan tahun lalu, Pelan Fizikal Negara (PFN) atau dulunya dikenali sebagai Pelan Spatial Negara (PSN) kini pada peringkat menyediakan draf dasar perancangan bersepadu bagi memantapkan pembangunan fizikal negara.

PFN ditubuhkan dengan matlamat menyelaras pelan perancangan pembangunan yang seimbang dan bersepadu untuk dijadikan panduan bagi menentukan corak pembangunan negara mengikut kawasan dan berdasarkan polisi sedia ada.

Menurut Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, dengan adanya PFN nanti setiap projek atau pembangunan pada masa depan akan dapat diterjemahkan pada bentuk pelaksanaan yang mengambil kira semua aspek.

Pelbagai masalah yang timbul sekarang dikenal pasti berpunca daripada ketiadaan pelan perancangan fizikal bagi menyelaras pembangunan mengikut daerah, wilayah dan negeri secara menyeluruh pada peringkat kebangsaan.

"Begitu juga dengan masalah penggunaan tanah, alam sekitar dan perkhidmatan lain seperti pembinaan jalan raya turut disebabkan oleh tiada penyelarasan yang seimbang serta bersepadu dalam pembangunan.

"PFN adalah pelan perancangan fizikal yang memberi panduan mengenai arah dan corak pembangunan, kegunaan dan pemuliharaan tanah negara yang strategik pada masa depan," kata wakil jabatan berkenaan.

Beliau menjelaskan perkara itu dalam pembentangan kertas kerja bertajuk 'Strategi Pengangkutan Mapan Untuk Pelan Fizikal Negara' pada 'Seminar Kebangsaan Perubahan Hala Tuju - Ke Arah Pengangkutan Mapan Di Malaysia' yang berlangsung di Pulau Pinang, baru-baru ini.

Katanya, PFN yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan dijangka siap pada 2002.

Beliau berkata, PFN yang menetapkan dasar tertentu akan memastikan sistem perancangan negara turut mengambil kira penggunaan ruang fizikal yang optimum pada peringkat negara berdasarkan matlamat ekonomi, sosial dan fizikal.

Bagi memastikan pelan itu menyeluruh, kajian terhadap penyediaan PFN mengambil kira aspek kependudukan, perumahan dan kemudahan awam; infrastruktur dan utiliti; alam sekitar dan sumber semula jadi; rangka global dan ekonomi makro; perancangan fizikal dan perbandaran; institusi dan pelaksanaan serta sistem maklumat PFN.

Selain itu, PFN turut mengambil kira pandangan pelbagai pihak, sama ada orang perseorangan, swasta dan awam, bagi memastikan pembangunan menyeluruh dan membabitkan penyertaan orang ramai.

Menyentuh sistem pengangkutan negara yang menjadi sebahagian daripada PFN, beliau berkata, pengangkutan mapan perlu mempunyai dasar yang berkaitan dengan perancangan bandar, perancangan luar bandar, perancangan guna tanah secara umum, kadar penduduk atau komuniti serta kesan kepada alam sekitar.

Pertimbangan lain ialah dari segi perancangan pembangunan yang bertujuan mengurangkan keperluan untuk membuat perjalanan, peralihan daripada kereta ke arah cara pengangkutan yang lebih mesra alam, pembangunan pengangkutan alternatif, pengurusan aliran lalu lintas, bahan api yang ekonomik dan pengawasan bandar.

"Kebergantungan terhadap kenderaan persendirian juga patut dikurangkan dan ini akan membawa kepada strategi mencapai matlamat ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan awam yang lebih cekap. Ini juga sebahagian

daripada visi PFN," katanya.

Beliau berkata, elemen penting dalam perancangan pengangkutan yang strategik perlu melihat kepada matlamat pembinaan jalan atau penyediaan perkhidmatan supaya pelaksanaannya adalah untuk mencapai matlamat itu.

Sebagai contoh, katanya, tujuan sistem transit aliran ringan diperkenalkan adalah bagi mengurangkan tumpuan kepada pengangkutan berasaskan jalan dan tindakan pelaksanaan dibuat mengikut kepada keperluan.

Ternyata, katanya, perancangan berdasarkan kepada keperluan itu diakui dapat menjadi pilihan alternatif pengguna, seterusnya membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas.

"Setiap masa, kita perlu menimbangkan kesan pemilihan strategik yang dibuat itu membabitkan faktor lain seperti ekonomi, alam sekitar, sosial dan kepentingan masyarakat," katanya.

Beliau berkata, dalam aspek itu, PFN berfungsi untuk mewujudkan hubungan di antara pihak berkuasa pada peringkat nasional, negeri dan tempatan terhadap perancangan dan pembangunan negara.

Katanya, dalam pembangunan PFN, segala dasar dan strategi pelan pembangunan negeri akan diambil kira dan disepadukan dan apabila dilaksanakan nanti, semua pihak akan memastikan perancangan fizikal mencapai matlamat Wawasan 2020.

(END)